

16/09/2000

Benarkan rakyat baca: Shahidan

KANGAR, Jumaat - Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim mencadangkan supaya buku Islam Optimis Melangkah Ke Alaf Baru: Mengapa Pilih Parti Islam?, tidak diharamkan.

Beliau berkata, langkah itu bagi memberi peluang kepada rakyat negara ini mengetahui lebih dekat kandungan buku itu.

"Melalui cara itu, kita berharap rakyat dapat menilai pembohongan parti pembangkang.

"Sebelum ini, saya mencadangkan penjualan buku itu diharamkan jika kandungannya menghina Nabi Muhammad dan bertentangan Islam, tapi kini saya rasa rakyat patut diberi peluang membaca," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Wawancara Bersama Menteri Besar sempena Pameran Keranamu Malaysia di Kayangan Square, di sini, hari ini.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Penerangan, Mohd Salleh Rafaie, Pengarah Penerangan negeri, Abd Razak Awang dan Pengarah Penyiaran Perlis, Mohd Radzi Lim.

Isnin lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mendedahkan mengenai buku itu, kesal dengan tindakan Pas menyalahgunakan Islam bagi kepentingan politik dengan mengeluarkan buku yang menyatakan Nabi Muhammad ialah pemimpin sebuah parti Islam.

Dr Mahathir berkata, kandungan buku itu yang ditulis oleh Ibnu Daulah itu jelas menghina Nabi Muhammad dan agama Islam, selain menyamakan pemimpin Pas dengan Nabi Muhammad.

Bagaimanapun, Menteri Besar Kelantan yang juga Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, menafikan parti itu terbabit dalam penulisan dan penerbitan buku terbabit.

Bagaimanapun, Shahidan mendakwa, Nik Aziz tidak boleh menafikan Pas terbabit dalam penulisan dan penerbitan buku itu kerana Presiden parti itu, Datuk Fadzil Noor, memberi kata aluan pada buku itu.

(END)